




MESYUARAT PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA BAHARU KELAB ARTUMS 2021/2022



1ST NOVEMBER 2021 | 8:30PM | GOOGLE MEET

BINCANG: Mesyuarat Pelantikan Ahli Jawatankuasa Baharu ARTUMS sesi 2021/2022 berlangsung secara dalam talian.

ASTiF rangka pelbagai aktiviti budaya lalui fasa endemik

UB 26.11.2021 P.03

KOTA KINABALU: Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) Universiti Malaysia Sabah (UMS) merangka beberapa pengisian aktiviti budaya menerusi Kelab Artis Tari Universiti Malaysia Sabah (ARTUMS) secara hibrid dalam mengisi ruang fasa endemik COVID-19.

Antara aktiviti dirancang termasuklah bengkel solekan dan keterampilan diri, bengkel koreografi tari, bengkel busana dan fesyen kreatif, kenali tarian Sabah menggunakan aplikasi Tik Tok, festival kaamatan peringkat UMS dan webinar seni budaya.

Hal ini dikongsi bersama pengurus kelab ARTUMS yang baharu Norain Abd



NORAIN

Razak, ketika dihubungi baru-baru ini.

Untuk rekod lantikan beliau dibuat dalam Mesyuarat Pelantikan Ahli Jawatankuasa Baharu ARTUMS 2021/2020 pada 1 November 2021 yang lalu secara dalam talian.

ARTUMS merupakan se-

buah kelab yang sangat aktif sebelum ini dan pernah menerima beberapa anugerah seperti Busana Terbaik dan Kareografi Terbaik pada Festival Hornbill 2017 serta Koreografi Terbaik dalam Festival Igal Antarabangsa.

Tambah beliau, pihaknya bersedia untuk mengadakan persembahan secara jemputan dan mengalu-alukan kerjasama daripada pihak luar.

Penerima Anugerah Kelab Terbaik Majlis Anugerah Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (MAHEPA) 2016 itu kini dibimbing oleh Ketua Program Seni Kreatif ASTiF, Dr. Sharip Zainal Sagkif Shek dan kini mempunyai ahli seramai 40 orang.